

'Jadikan 2019 pengharapan terbaik'

Detik terakhir 2018 kelmarin memang melegakan, namun pada masa sama, juga mengusarkan untuk melangkah ke 2019.

Tidak banyak harapan positif dapat menggembirakan warga dunia dan nampaknya, melangkah ke tahun baharu melangkah semua dibebani dan mengheret masalah yang ditinggalkan oleh 2018.

Kenyataannya, terlalu banyak babak di pentas dunia yang meruntun manusia dan sifat kemanusiaan sepanjang tahun lalu.

Faktanya, pelarian sedunia terus meningkat kepada 65 juta orang, situasi krisis kemanusiaan semakin parah di Syria, Yaman dan Bangladesh. Keadaan juga berat di Jammu Kashmir serta di Xianjian, China yang jarang dilaporkan.

Ketegangan di Iraq, Afghanistan tidak mereda, tindakan *unilateral* oleh Amerika Syarikat (AS) terhadap China, Korea Utara dan Iran terus memanas.

Penindasan ke atas etnik Rohingya oleh rejim Myanmar masih berterusan, keganasan Israel di dukung AS ke atas Palestin di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat serta ke atas Masjid al-Aqsa turut meningkat sepanjang tahun.

Tidak juga dapat dilupakan bencana alam di timur mahupun barat.

Ribut taufan yang memusnahkan, banjir besar yang menenggelamkan, tsunami yang menyapu bersih, kebakaran yang menghancurkan semua, gempa bumi yang membunuh serta gunung berapi yang memuntahkan api dan larva menghancurkan semua laluan.

Ekonomi tidak menentu

Tidak banyak yang boleh diharap untuk berasa lega menyambut 2019. Kemanusiaan menurun ke tahap yang sangat rendah dalam rekod sejarah manusia sepanjang 2018. Akibatnya ekonomi tidak menentu dan keselamatan dunia berdepan risiko yang tinggi.

Persidangan dunia sepanjang 2018 juga tidak menunjukkan kesan positif, pemimpin dunia bertemu pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) hingga Majlis Keselamatan, namun tidak menghasilkan natijah yang diharap.

Rundingan cuba diusahakan, pertemuan antara pemimpin kuasa dunia seperti AS, United Kingdom, Eropah, Russia dan China, berakhir dengan setiap negara berkeras dengan pendirian ma-

sing-masing.

Ekonomi dunia yang tidak berkembang, perubahan cuaca, ketidakstabilan politik, peningkatan jenayah, keburluan, wabak penyakit, pelarian, konflik antara negara dan perang proksi, semua ini menjadikan 2019 tidak menjanjikan prospek baik yang boleh diharapkan.

Walhasil, munginkah ada keupayaan untuk merubah bagi menjadikan 2019 tahun lebih baik.

Jawapannya bergantung kepada kepemimpinan dunia. Jika pemimpin sedia ada di seluruh pelosok dunia mempunyai sikap tepat untuk melaksanakan amanah kepemimpinan yang betul, peluang untuk mewujudkan dunia lebih aman mungkin dapat diharapkan.

Jika sebaliknya, maka 2019 akan jadi lebih rumit dan lebih mencemaskan.

Jelas dunia sedang mengalami defisit parah dari segi moral, defisit yang sangat mendalam dari segi sifat amanah. Lantaran itu kita berdepan situasi pengkhiantan global yang sangat ketara.

Masing-masing pemimpin menjadikan kuasa politik sebagai tauntungan untuk diri dan kerabat sendiri. Manifestasi dari pengkhia-

natan inilah jutaan manusia menjadi mangsa kerakusan dan ketamakan segelintir pemimpin.

Pelihara keharmonian

Namun, ini tidak bermakna warga biasa tidak boleh berbuat apa-apa. Hakikatnya setiap warga punya tanggungjawab untuk memperbaiki dan merawat dunia ini, melaksanakan inisiatif yang terdaya pada skala apapun perlu dilakukan.

Usaha mengamalkan setiap aspek kehidupan berekonomi, bersosial, berpolitik, bermasyarakat dan berjiran tetangga mahupun berkeuarga, hendaklah diupayakan.

Keharmonian dan kerukunan hidup perlu dipelihara sebaik mungkin. Tindakan yang membulkan kesangian buruk antara sesama warga perlu dielakkan. Nilai kemanusiaan perlu dihayati.

Malaysia adalah negara yang sangat berpotensi untuk dijadi model terbaik dalam hidup majmuk antara kaum dan agama. Kita tidak harus cuba menggadai keimanan tanah air tercinta ini dengan emosi yang tidak terkendali.

Anak cucu kita akan menjadi saksi kepada semua tindakan kita. Jadikan 1440H dan 2019 tahun yang memberi harapan yang lebih baik untuk menuju 1441H dan 2020.

Komentar



Mohd Azmi Abdul Hamid
Presiden Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM)



Usaha mengamalkan setiap aspek kehidupan berekonomi, bersosial, berpolitik, bermasyarakat dan berjiran tetangga mahupun berkeuarga, hendaklah diupayakan"